

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 07/09/2007

Dr. Mahathir kini boleh bernafas sendiri

KUALA LUMPUR 6 Sept. - Tahap kesihatan Tun Dr. Mahathir Mohamad semakin baik dan sudah mampu bernafas sendiri tanpa menggunakan alat bantuan pernafasan, selepas menjalani pembedahan pintasan koronari di Institut Jantung Negara (IJN), Isnin lalu.

Bekas Perdana Menteri itu sudah boleh menggerakkan tangan dan kaki serta mampu bercakap dengan ahli keluarganya sejak pukul 2.10 petang semalam.

Menurut anaknya, Datuk Mukhriz, beliau sangat berpuas hati dengan keadaan bapanya yang sudah menunjukkan reaksi positif.

"Saya sangat mengagumi semangat kuat beliau yang benar-benar mahu

pulih dengan memberikan kerjasama baik kepada para doktor yang merawatnya," katanya ketika ditemui pemberita di lobi IJN hari ini.

Pembedahan pintasan koronari selama lima jam itu merupakan yang kedua bagi Dr. Mahathir, 81, selepas melakukannya kali pertama pada 24 Januari 1989 di Hospital Besar Kuala Lumpur.

Apa yang menariknya, Mukhriz memberitahu, ketua pasukan pembedahan, Tan Sri Dr. Yahya Awang sendiri menjelaskan walaupun secara kronologi umur Dr. Mahathir 81 tahun, tapi dari segi fisiologi, bekas Perdana Menteri itu bagaikan orang yang berumur lingkungan 60-an.

Tambahnya, pihak IJN berpuas hati dengan perkembangan terkini Dr. Ma-

hathir selepas proses pemantauan rapi 48 jam berakhir pukul 3.30 petang ini.

"Beliau sekarang sedang menjalani rawatan fisioterapi dan melakukan senaman ringan untuk tangan dan kakinya," jelas Mukhriz.

Sejak pagi ini, Dr. Mahathir dilaporkan mula mengambil makanan cecair tetapi masih ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) untuk pemantauan.

Terharu

Ditanya keadaan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Mukhriz berkata, ibunya terharu dengan rakyat Malaysia yang mendoakan kesihatan bapanya.

"Bagi pihak keluarga, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah mendoakan supaya ayah saya cepat pulih," katanya.

Dalam pada itu, Mukhriz memohon seluruh rakyat Malaysia turut mendoakan kesihatan pesakit-pesakit IJN lain di samping berdoa untuk bapanya.

Beliau turut menjemput orang ramai yang beragama Islam untuk hadir ke majlis bacaan Yasin, doa selamat dan solat hajat yang dianjurkan oleh keluarganya di Masjid Wilayah Persekutuan, esok.

"Tahlil itu akan diadakan selepas waktu solat Maghrib dan kami sekeluarga berharap orang ramai dapat sama-sama memberikan sokongan kepada ayah saya," katanya.

UM - 7/9/2007